

## Antara selamatkan pokok 130 tahun dan nyawa manusia

SEPASANG suami isteri baru berkahwin, Norazrul Mohd., 38, dan Mira Ezfa Abd. Rasid, 25, tidak menyangka perjalanan mereka pada pukul 7.25 pagi awal minggu ini menjadi satu pengalaman pahit buat mereka.

Kedua-duanya nyaris maut apabila motosikal yang mereka tunggang merempuh sebatang pokok besar yang tiba-tiba tumbang di Jalan Ampang berhadapan Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur.

Malam sebelum kejadian, ibu negara dilanda hujan lebat namun pokok tersebut tersungkur ke bumi pada sebelah pagi.

Pokok hujan-hujan atau *samanea saman* itu dianggapkan berusia kira-kira 130 tahun. Ia merupakan salah satu daripada berpuluh-puluh pokok sejenisnya yang meredupkan ibu kota selama ini. Ia juga menjadi saksi lebih seabad perkembangan pembangunan Kuala Lumpur.

Pokok hujan-hujan berasal dari Amerika Selatan dan mula ditanam di Tanah Melayu pada tahun 1876.

Spesies pokok itu telah diperkenalkan untuk penanaman di kawasan bandar seawal tahun 1900-an dan sehingga kini masih popular ditanam terutamanya di pinggir jalan dan lebuhraya.

Pokok itu mempunyai sifat yang istimewa kerana ia akan menguncupkan daun majmuknya pada waktu senja atau waktu hujan. Sebab itu ia dipanggil pokok hujan-hujan.

Pokok bersejarah seumpama itu perlu dipelihara. Pencinta alam sekitar turut menyokong pemuliharaan pokok agar kawasan bandar kekal hijau meskipun berada di tengah-tengah hutan batu dan pembangunan rancak dijalankan.

Namun antara pokok bersejarah, nyawa manusia tidak sewajarnya menjadi taruhan. Pihak berkuasa kerajaan tempatan sewajarnya lebih mementing soal keselamatan orang awam dengan sentiasa memastikan pokok-pokok di tepi jalan sentiasa dipangkas terutamanya dalam keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa ini. Janganlah hanya memberikan alasan bahawa malang itu tidak berbau sedangkan segala risiko sudah boleh dijangka untuk dielakkan.



SEBATANG pokok hujan-hujan berusia 130 tahun tumbang di Jalan Ampang, Kuala Lumpur baru-baru ini.